

**CAMAR CINA BERJAMBUL**  
Chinese Crested Tern

FAMILI: Laridae  
NAMA SAINTIFIK: *Sterna bergsteini*

**CIRI-CIRI**

Bagi burung dewasa di luar musim membiak, ia seakan-akan sama dengan spesies Camar Besar Berjambul, *S. bergii*, tetapi saiznya adalah lebih kecil dengan terdapat warna kehitaman di bahagian hujung paruh yang berwarna kuning manakala bahagian atas badan adalah lebih kekelabuan. Semasa terbang, diperhatikan bahagian bawah sayap berwarna kelabu pudar manakala bahagian luar sayap berwarna kehitaman. Bagi burung dewasa pada musim membiak, bahagian depan atas kepala sehingga bahagian belakang tengkuk berwarna hitam manakala bahagian hujung paruh berwarna hitam. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah 43 sm.

**MAKANAN**

Makanannya terdiri daripada ikan-ikan kecil, udang dan juga ketam.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan laut dan juga persisiran pantai.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah dari bulan Mei hingga bulan Julai pada sepanjang tahun.

**STATUS**

IUCN, kritikal.